

DUA BOT PANCING, ENAM INDIVIDU DITAHAN

APMM RAMPAS SPESIES TERANCAM

HM 30/09/23 M/S 17

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Kudat

Dua bot pancing bersama enam individu termasuk empat nelayan warga asing yang membawa muatan pelbagai hasil laut spesies terancam ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di perairan daerah ini, Rabu lalu.

Kedua bot berkenaan ditahan kapal KM Ikhlas ketika melaksanakan operasi di lokasi berkenaan kira-kira 58 batu nautika Barat Laut Simpang Mengayau di sini, jam 12.35 tengah hari.

Pengarah Zon Maritim Kudat Komander Maritim Maurice Grenville Abeyeratne berkata, tangkapan dan rampasan itu dijalankan berdasarkan maklumat risikan yang diterima pihaknya.

Menurutnya, pemeriksaan terhadap bot pertama mendapati ada dua individu warga Filipina dan seorang warga Indonesia yang mengendalikan bot berkenaan.

“Pemeriksaan lanjut ditemui 35 karung berisi ikan buntal dianggarkan seberat 630 kilogram (kg), kerang kering (kima) 76 karung dianggarkan seberat 1,368kg, penyusu kering yang diisi di dalam karung berjumlah 39 karung dan 14 kotak seberat 865kg.

“Selain itu, turut ditemukan



MAURICE (tengah) menunjukkan sebahagian hasil laut spesies terancam yang dirampas dalam dua bot terbabit.

dua karung berisi sipit kering (kahanga) anggaran berat 30kg, kuda laut dengan berat enam kg, satu karung berisi sirip ikan yu dan enam kotak berisi ikan beku (maming napoleon) dan satu kotak berisi 25 ekor,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Maurice Grenville berkata, sebuah lagi bot yang diperiksa didapati membawa muatan hampir 2,100kg kima dan ikan buntal kering sejumlah 375kg.

“Bot berkenaan dikendali-

kan dua individu warga tempatan berusia 50 dan 57 tahun dan seorang lagi warga Filipina berusia 45 tahun.

“Semua suspek bersama bot dan barang rampasan ditahan dan dibawa ke jeti untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Zon Maritim Kudat bagi tindakan lanjut,” katanya.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan termasuk kedua-dua bot pancing itu dianggarkan berjumlah RM1.5 juta.

“Kes disiasat mengikut Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008, Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

“Kes turut disiasat mengikut Akta Perikanan 1985, Akta Kastam 1966, Akta Imigresen 1959/1963 kerana disiasat memiliki dokumen pengenalan diri meragukan dan Enakmen Pelabuhan dan Dermaga 2002 serta Peraturan-Peraturan Pelabuhan dan Dermaga 2008,” katanya.